

NO SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

**TARIKH : 15.03.18
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah aset ketenteraan yang dimiliki Malaysia pada ketika ini berada setaraf dengan negara-negara Asean yang lain dan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memperkukuhkan pertahanan negara.

83

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sangat prihatin dan sentiasa berusaha memastikan keupayaan dan tahap kesiapsiagaan aset ketenteraan negara berada ditahap yang baik dan setaraf dengan aset ketenteraan dari negara-negara ASEAN yang lain demi memastikan kedaulatan dan keamanan negara sentiasa terpelihara.

Sehubungan itu, sebanyak RM15.86 bilion telah diperuntukkan bagi perbelanjaan pertahanan pada tahun 2018 sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan bajet 2018 yang lalu. Segala keperluan dan perancangan untuk memperkukuhkan sistem pertahanan negara ini telah dan akan dilaksanakan mengikut keutamaan berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia (4D MAF). Namun begitu, rancangan pembangunan untuk memperkukuhkan pertahanan negara ini juga adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.